

15/11/2001

Kerajaan kaji hantar tentera sertai PBB di Kabul

KUALA LUMPUR, Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sedang mengkaji peranan yang akan dimainkan pasukan tentera Malaysia yang terbabit dengan aktiviti pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Perdana Menteri berkata, kerajaan perlu melihat semula peranan yang boleh dimainkan pasukan negara di bawah PBB, ekoran perkembangan terbaru di Kabul, Afghanistan, yang ditawan tentera Pakatan Utara.

"Kita selalu mengambil bahagian dalam aktiviti PBB. Namun, kita perlu kaji peranan yang nak dimainkan pasukan kita ini," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Deepavali Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya sama ada kerajaan berhasrat untuk menghantar pasukan tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah PBB, ke Kabul.

Dr Mahathir berkata, PBB sepatutnya cuba menyelesaikan konflik peperangan yang berlaku di dunia, termasuk di Palestin.

"Kita harap di mana-mana juga ada peperangan seperti ini, PBB sepatutnya cuba menyelesaikannya termasuk di Palestin," katanya.

Tentera Pakatan Utara memasuki Kabul semalam walaupun masyarakat antarabangsa membantahnya dan tentera Taliban dikatakan sudah meninggalkan ibu negara Afghanistan itu.

Dengan kejayaan menawan 40 peratus daripada negara itu hujung minggu lalu, dan dibantu pengeboman Amerika Syarikat ke atas kubu Taliban, Pakatan Utara berjaya menembusi barisan hadapan Taliban di luar Kabul.

(END)